



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41 (12)

Tarikh: 5 November 2012

## SIARAN MEDIA

### KENYATAAN YB DATO SERI CHOR CHEE HEUNG – INSIDEN KEBAKARAN KILANG TAYAR PENGKALAN CHEPA

**Kota Bharu – YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato’ Seri Chor Chee Heung** menyifatkan insiden kecederaan yang dialami oleh anggota Bomba dan Penyelamat Malaysia sewaktu operasi memadam kebakaran di sebuah kilang tayar di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa, Kelantan, semalam merupakan satu cabaran getir yang perlu dihadapi oleh pegawai dan anggota Bomba Penyelamat Malaysia.

“Ini merupakan tanggungjawab utama yang di amanahkan oleh kerajaan dan masyarakat dan anggota Bomba yang terlatih ini sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi sebarang bencana katanya dalam lawatan terhadap anggota yang cedera di Kota Bharu Kelantan”. Beliau yang tiba di Kelantan pada pagi ini bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg Datuk Arpah Abdul Razak dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato’ Wan Mohd Nor Hj Ibrahim. Dalam lawatan ringkas di Hospital Universiti Sains Malaysia dan Hospital Sultanah Zainab II, beliau turut merakamkan ucapan penghargaan terima kasih di atas tugas yang baik dalam melindungi

dan menyelamatkan dan berharap agar anggota yang tercedera bersabar menghadapi musibah yang menimpa.

Dato Seri Chor amat menghargai semangat dan keberanian yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai bomba dalam menangani operasi pemadaman kebakaran tersebut. Beliau berkata anggota Bomba sentiasa berdepan dengan situasi genting kerana terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dalam tugas menyelamatkan.

Beliau berharap kejadian di luar jangkaan ini tidak akan mematahkan semangat Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk terus berkhidmat kepada masyarakat dan negara. Beliau yakin berbekalkan ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh setiap anggota bomba, pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia mampu untuk mengharungi segala cabaran dalam tugas harian mereka.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon :03-8891 5555 Faks:03-8891 5557 E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)